



## **GARIS PANDUAN PHD SECARA PENERBITAN (*PHD BY PUBLICATION*) UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA (UPNM)**

### **PENGENALAN**

Mesyuarat Senat 47 Bil. 3/2015 yang telah bersidang pada 8 Mei 2015 telah meluluskan garis panduan PhD Secara Penerbitan (*Phd By Publication*), Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM).

### **LATAR BELAKANG**

Program pengajian ini dikategorikan sebagai Ijazah Doktor Falsafah secara Penerbitan iaitu program pengajian yang dilaksanakan secara penyerahan tesis yang mengandungi kerja yang diterbitkan dan kertas tambahan yang menyepadukan kerja tersebut.

### **SYARAT KEMASUKAN**

Calon hendaklah mempunyai kelayakan seperti berikut:

- a) Ijazah Sarjana dengan minimum 3 tahun pengalaman bekerja dalam bidang yang berkaitan; ATAU
- b) Calon mempunyai bilangan kertas dan/ atau manuskrip di antara 4 hingga 6 dan memenuhi Keperluan Penerbitan yang telah ditetapkan (**rujuk Keperluan Penerbitan**).

Calon juga tidak boleh mempunyai apa-apa kelayakan ijazah kedoktoran dari Universiti ini atau universiti lain dalam bidang penyelidikan yang berkenaan.

## **PERMOHONAN**

Penilaian akan dibuat oleh Jawatankuasa Penilaian Kertas Kerja Bidang yang ditubuhkan di peringkat fakulti bagi bidang-bidang Kejuruteraan, Teknologi, Sains Tulin dan Sains Sosial.

Jawatankuasa Penilaian akan menyemak permohonan formal PhD secara penerbitan, menimbangakan kualiti penerbitan yang dikemukakan, mengesahkan bahagian yang merupakan sumbangan pemohon serta sama ada penyerahan kertas berkenaan dapat memenuhi kriteria untuk pengijazahan. Ahli Jawatankuasa terdiri daripada:

- a) Dekan - Pengerusi
- b) Timbalan Dekan
- c) Ketua Jabatan
- d) Seorang kakitangan akademik yang kanan dalam bidang yang sama

Pemohon diwajibkan menghadiri satu temuduga dengan Jawatankuasa Penilaian.

Sekiranya Jawatankuasa Penilaian bersetuju bahawa hasil penerbitan adalah setaraf dengan kualiti yang dikehendaki untuk Ijazah Doktor Falsafah, permohonan tersebut akan dikemukakan untuk kelulusan Senat.

Calon yang layak untuk diterima masuk ke program PhD melalui mod penerbitan perlu mengisi borang permohonan untuk kemasukan program PhD.

## **TEMPOH MASA PENGAJIAN**

Tempoh pengajian adalah 6 bulan sehingga 2 tahun.

## **PENYELIAAN**

Sekurang-kurangnya seorang penyelia dalam bidang berkenaan akan dilantik untuk menyelia calon.

Peranan penyelia adalah untuk:

- a) membimbing calon memilih hasil penerbitan untuk penyerahan;
- b) menasihati calon sama ada kertas tambahan perlu diterbitkan;
- c) Membimbing calon dalam penyediaan satu tesis yang koheren dengan tema pengkhususan

Calon hendaklah mengemukakan laporan kemajuan pada akhir setiap semester kepada penyeliannya mengikut prosedur yang ditetapkan.

## **KEPERLUAN PENERBITAN**

Tesis boleh mengandungi kertas yang diterbitkan atau manuskrip yang telah diterima untuk penerbitan dalam jurnal impak tinggi (contoh: Jurnal ISI).

Bilangan kertas dan/atau manuskrip adalah tidak kurang daripada 3. Namun demikian, sesetengah disiplin memerlukan bilangan kertas yang lebih banyak untuk memenuhi skop dan kualiti yang setaraf dengan penyelidikan PhD.

Di mana terdapat lebih daripada seorang pengarang, calon haruslah menjadi pengarang utama / *corresponding author* bagi tidak kurang 2 daripada 3 kertas yang diserahkan.

Tidak kurang 2 daripada 3 kertas yang diserahkan perlu mempunyai afiliasi UPNM.

Penerbitan berkenaan hendaklah yang diterbitkan dalam tempoh tidak melebihi 10 tahun dari tarikh penyerahan.

Penerbitan dalam bentuk “*Review*” tidak boleh diterima.

## FORMAT TESIS

Tesis wajib mengandungi perkara berikut sebagai tambahan kepada perkara biasa dalam tesis yang standard:

- a) satu senarai hasil kerja keserjanaan diterbitkan;
- b) perakuan oleh pengarang bersama dan bukti keaslian. Setiap kerja yang diterbitkan wajib dimulai dengan pernyataan jelas akan sumbangan setiap pengarang bagi hasil kerja diterbitkan bersama;
- c) satu ringkasan tentang penemuan utama daripada setiap hasil kerja diterbitkan. Ia wajib menerangkan bagaimana hasil kerja diterbitkan disepadukan dalam kerangka intelek yang koheren, dan bagaimana secara bersama dapat menyumbang kepada ilmu dalam bidang berkenaan; dan
- d) satu bab pengenalan, kajian literatur, metodologi penyelidikan (jika berkenaan), perbincangan dan kesimpulan yang menerangkan kesignifikanan sumbangan.

Bab "Pengenalan" harus mengandungi:

- a) Penerangan isu kajian yang diselidiki
- b) Objektif kajian; dan
- c) Penerangan kemajuan penyelidikan yang menghubungkan hasil penerbitan berkenaan

Penerangan kemajuan penyelidikan adalah supaya terdapat kesinambungan antara hasil penerbitan yang berkenaan dan supaya logik kemajuan penyelidikan dapat difahami.

Bab "Kajian Literatur" harus dalam format yang selaras dengan disiplin berkenaan dan perlu mengandungi kajian kritikal literatur yang berkaitan, mengenal pasti jurang dalam pengetahuan (*knowledge gaps*) serta hubungkait antara literatur dengan program penyelidikan.

Bab "Kesimpulan" memaparkan kesan kumulatif kertas; penemuan yang signifikan dan sumbangan kepada ilmu berkenaan.

Hasil penerbitan perlu dikemukakan secara koheren dalam tesis menurut format dalam Garis Panduan Penulisan Tesis UPNM.

## PEPERIKSAAN

Proses peperiksaan untuk tesis dalam mod penerbitan adalah sama seperti peperiksaan untuk tesis melalui mod penyelidikan.

Calon hendaklah memberi notis bertulis selama tiga bulan kepada Fakulti tentang tujuan hendak mengemukakan kerja yang diterbitkan untuk peperiksaan.

Peperiksaan lisan adalah diwajibkan. Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Lisan adalah seperti berikut:

- a) Pengerusi;
- b) Dua orang Pemeriksa Luar;
- c) Seorang Pemeriksa Dalam; dan
- d) Dekan PPS/Wakil Dekan;

Tugas utama pemeriksa-pemeriksa adalah untuk:

- a) menilai kualiti hasil kerja yang terkandung dalam tesis dan penerbitan itu;
- b) mengesahkan bahawa teks dalam tesis itu bersepadu dengan penerbitan yang dikemukakan;
- c) menilai sumbangan tesis dan penerbitan itu kepada ilmu pengetahuan;
- d) menilai metodologi yang digunakan dalam penyelidikan itu;
- e) menaksir sumbangan calon dalam kes hasil kerja berbilang pengarang.

Jawatankuasa Peperiksaan Lisan hendaklah memperakukan sama ada tesis calon:

- a) telah mencapai merit akademik yang cukup untuk dianugerahkan ijazah tanpa perlu membuat pembedaan; atau
- b) telah mencapai merit akademik yang cukup untuk dianugerahkan ijazah tertakluk kepada calon membuat pembedaan minor dalam tempoh kurang dari 6 bulan tanpa peperiksaan semula. Pembedaan *minor* yang dimaksudkan tidak melibatkan perubahan kepada hasil penerbitan; atau
- c) tidak mencapai merit akademik yang mencukupi dan calon telah gagal dalam peperiksaan tesisnya.

Tesis yang tidak mencukupi merit boleh dirujuk untuk menjalani kajian lanjut bagi tempoh 6-18 bulan sebelum peperiksaan semula. Dalam kes sedemikian, calon boleh memilih sama ada untuk menyerahkan tesis untuk peperiksaan semula dalam bentuk penerbitan atau dalam bentuk tesis yang biasa.